

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'  
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian bagi menangani isu pemandu-pemandu lori yang tidak mengikut peraturan jalan raya dan memandu secara merbahaya serta boleh mengakibatkan kemalangan di jalan raya.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) sentiasa melaksanakan tindakan penguatkuasaan sebagai langkah bagi menangani isu-isu terhadap pemandu-pemandu lori yang tidak mematuhi peraturan jalan raya yang sedang berkuat kuasa.
2. Penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ adalah secara rutin dan berfokus melalui kaedah sekatan jalan raya atau rondaan bagi tempoh 24 jam dan 7 hari seminggu. Selain itu, JPJ juga melaksanakan penguatkuasaan terhadap aduan awam yang diterima berhubung kesalahan yang melibatkan ketidakpatuhan kepada undang-undang yang sedang berkuat kuasa oleh pemandu lori.
3. JPJ juga melaksanakan tindakan pemantauan secara berkala terhadap syarikat-syarikat pengangkutan melalui Audit Keselamatan (*JPJ Inspection Safety Audit*) yang memfokuskan kepada pematuhan syarikat terhadap syarat lesen yang dikeluarkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Pengauditan ini merupakan salah satu langkah bagi memastikan syarikat pengangkutan bertanggungjawab terhadap pematuhan undang-undang oleh pemandu dan memastikan kenderaan tersebut sentiasa berada dalam keadaan selamat semasa digunakan di atas jalan raya. Kegagalan mematuhi kehendak audit keselamatan tersebut boleh mengakibatkan tindakan penggantungan atau pembatalan Lesen Pengendali dikenakan terhadap kenderaan atau syarikat pengangkutan tersebut.

Sekian, terima kasih.